



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

“UTAMAKAN PENYUSUAN SUSU IBU: WUJUDKAN SISTEM SOKONGAN YANG MAMPAN (PRIORITISE BREASTFEEDING: CREATE SUSTAINABLE SUPPORT SYSTEM)

Kuala Lumpur, 11 September 2025

Inisiatif Hospital Rakan Bayi atau *Baby-Friendly Hospital Initiative (BFHI)* merupakan inisiatif global Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat permulaan hidup terbaik. **Sejak tahun 1992**, Malaysia telah **melaksanakan inisiatif ini** sebagai salah satu strategi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk **melindungi, menyokong** dan **mempromosikan** penyusuan susu ibu.

Selaras dengan tema Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu (MPSI) 2025, **“Utamakan Penyusuan Susu Ibu: Wujudkan Sistem Sokongan Yang Mampan (*Prioritise Breastfeeding: Create Sustainable Support System*)”**, penekanan diberikan bahawa **kejayaan penyusuan susu ibu memerlukan sokongan bersepadu**. Ia adalah **tanggungjawab bersama** yang melibatkan keluarga, komuniti, majikan, serta penyedia perkhidmatan kesihatan awam dan swasta dalam **mewujudkan persekitaran sistem sokongan yang mampan terhadap aktiviti penyusuan susu ibu**.

Tema ini dilihat **sejajar** dengan usaha negara dalam **memperkuhkan amalan** penyusuan susu ibu yang lebih menyeluruh dan berkesan. Ianya **selari** dengan **usaha melindungi kesihatan bayi dan ibu serta kelestarian alam sekitar**. Susu ibu mempunyai pelbagai manfaat, bukan sahaja kepada pertumbuhan dan perkembangan fizikal, emosi dan kognitif bayi tetapi ia merupakan makanan terbaik, selamat dan tepat untuk bayi, di mana ia dapat melindungi ibu daripada pelbagai risiko mendapat penyakit kronik seperti kanser payu dara dan ovari.

Amalan penyusuan susu ibu terbukti memberi manfaat kesihatan jangka panjang kepada ibu dan anak, termasuk **mengurangkan risiko obesiti, diabetes jenis 2, kanser payudara dan ovari, serta penyakit jantung**. Usaha memperkasakan amalan ini adalah **selaras** dengan **matlamat Dasar Pemakanan Negara Malaysia dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030**.

Mewujudkan suatu sistem sokongan yang mampan bukan suatu langkah yang mudah. Usaha ini memerlukan kerjasama semua pihak dan komitmen berterusan. Pendekatan Seluruh Negara dan Seluruh Masyarakat (*Whole of Nation and Whole of Society*) menuntut penglibatan pelbagai sektor termasuk sektor kesihatan, pendidikan, persekitaran, pekerjaan, sehingga ke dasar awam untuk berganding bahu membentuk ekosistem penyusuan yang **berterusan, menyeluruh dan inklusif**. Ini juga selaras dengan aspirasi nasional dalam memperkasa amalan penyusuan susu ibu.

Dan **sektor kesihatan swasta** telah membuktikan peranan mereka sebagai rakan strategik penting dalam menjayakan agenda nasional ini. Komitmen ini amat dihargai dan jelas terbukti melalui **pencapaian cemerlang** oleh hospital-hospital swasta di seluruh negara.

Antara pencapaian yang wajar diberi **pengiktirafan** termasuklah:

- **Hospital Pakar Pusrawi Kuala Lumpur**, yang merupakan antara hospital swasta terawal menerima pengiktirafan BFHI sejak tahun 2014. Lebih membanggakan, hospital ini adalah **hospital swasta PERTAMA** di Malaysia yang **menawarkan Program Penyusuan Anak Angkat (*Induced Lactation*)**. Program inovatif ini menyokong pembentukan ikatan emosi yang erat antara ibu dan anak angkat, selari dengan aspirasi Hospital Rakan Bayi; dan
- **KPJ Healthcare Berhad**, yang kini memiliki rangkaian hospital swasta dengan **pengiktirafan BFHI terbanyak** di Malaysia, iaitu sebanyak **20 buah hospital**. Pencapaian ini menzahirkan kesungguhan warga kerja KPJ dalam membudayakan amalan penyusuan susu ibu secara konsisten. Dedikasi ini terbukti apabila sebahagian hospital di bawah naungan KPJ telah **berjaya mengekalkan akreditasi cemerlang sehingga kitaran ketujuh**.

KKM yakin bahawa inisiatif dan komitmen yang ditunjukkan oleh Hospital Pakar Pusrawi, KPJ Healthcare, dan hospital-hospital swasta yang lain akan menjadi **inspirasi untuk keterlibatan semua pihak** bagi mengangkat martabat penyusuan susu ibu demi melahirkan generasi masa hadapan yang lebih sihat, kuat dan sejahtera. Ini bertepatan dengan nilai MADANI - *Kemampanan, kesejahteraan, Hormat dan Ihsan*.

- TAMAT -

**Dikeluarkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia**

